

10/06/1997

Abu Zahar isytihar harta kepada PM

ALOR GAJAH, Isnin - Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin akan mengisytiharkan harta yang dimiliki kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam tempoh dua bulan ini.

Katanya, pengisytiharan harta itu sama dengan apa yang dibuatnya April lalu, kepada Ketua Menteri ketika itu, Allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani.

"Saya akan mengisytiharkan harta yang pernah dibuat ketika menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) kepada Perdana Menteri apabila diadakan perjumpaan dalam tempoh satu atau dua bulan ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Gerakan Desa Wawasan Kampung Cherana Putih dekat sini, pagi ini.

Selain itu, katanya, dua Exco Melaka yang baru dilantik iaitu Datuk Mohd Shariff Md Drus serta Datuk Ahmad Hamzah turut diarah untuk mengisytiharkan harta masing-masing.

Katanya, Exco Melaka yang lain tidak perlu membuat pengisytiharan harta masing-masing kerana telah berbuat demikian April lalu.

Abu Zahar juga berkata, semua Exco Melaka memang diingatkan supaya tidak menyertai sebarang syarikat kerana mereka tidak boleh berniaga.

(END)